



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 376

**AKTA JALAN
PERSEKUTUAN 1959**

(Disemak—1989)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, bagi *Federal Roads Act 1959* sebagaimana disemak dalam tahun 1989. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

Disemak sehingga 31hb Julai 1989

Tarikh versi semakan ini di-
siarkan dalam *Warta* ... 31hb Ogos 1989

Tarikh ditetapkan untuk
versi semakan ini mula ber-
kuatkuasa *menurut seksyen*
6 (1) (xxiii) Akta Penye-
makan Undang-Undang 1968
(Akta 1) 7hb September 1989



Teks ini HANYALAH TERBUKTI oleh Jabatan Peguam Negara bagi Federal Bank
Aca 1989 sebagaimana disemak dalam tahun 1989. Melainkan dan selangka
ditetapkan sebagai salah di bawah seksyen 7 (1) Akta Baharu Kelengkapan 1989/07
(Akta 32), ia bukannya bertunduk

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 376****AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959****(Disemak—1989)**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. *(Dimansuhkan)*.
3. Kuasa mengisytiharkan jalan, dll. sebagai persekutuan.
4. Perintah hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat.
5. Kecualian.

1947

1948

1949

1950

1951

1952

1953

1954

1955

1956

1957



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 376

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

(Disemak—1989)

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengisytiharan jalan-jalan, jambatan-jambatan, feri-feri dan lain-lain cara perhubungan persekutuan.

[*Malaysia Barat—31hb Ogos 1957;*
Malaysia Timur—1hb April 1986.]

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan Persekutuan 1959. Tajuk ringkas dan pemakaian.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

2. (*Dimansuhkan*).

3. Menteri boleh, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan, melalui perintah mengisytiharkan mana-mana jalan, jambatan, feri atau lain-lain cara perhubungan dalam mana-mana Negeri sebagai Persekutuan. Kuasa untuk mengisytiharkan jalan, dll. sebagai persekutuan.

4. Apa-apa perintah di bawah seksyen 3 hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan, hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas itu, dibentangkan di Dewan Rakyat, dan jika, dalam persidangan Dewan Rakyat yang berikutnya selepas apa-apa perintah sedemikian dibentangkan, suatu ketetapan diluluskan bagi membatalkan perintah itu atau mana-mana bahagiannya, perintah itu atau mana-mana bahagian daripadanya hendaklah, tanpa menjejaskan keesahan apa-apa jua yang dilakukan terdahulu di bawahnya, terbatal mulai dari tarikh pemberitahuan dalam *Warta* berkenaan dengan kelulusan ketetapan itu. Perintah hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat.

Kecualian.

5. Jalan-jalan, jambatan-jambatan dan feri-feri yang dinyatakan atau yang disebut dalam pengisytiharan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi pada empat belas haribulan Ogos 1957, menurut Butiran 91 Jadual Kedua Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, dan disiarkan sebagai Pemberitahuan Undang-Undang 339 tahun 1957, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai persekutuan, dan pengisytiharan itu hendaklah, bagi maksud pindaan, pengubahan atau pembatalannya, disifatkan sebagai suatu perintah yang dibuat dengan sempurnanya di bawah seksyen 3 dan 4.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA
Akta 376
AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959
(Disemak—1989)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
Akta A627	Akta Jalan Persekutuan (Pin- daan) 1985	13-9-1985
P.U. (A) 227/1986	Perintah Ordinan Jalan Per- sekutuan (Perluasan ke Sabah dan Sarawak) 1986	1-4-1986

**SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA
YANG DIGANTI**

No.	Tajuk
42 tahun 1959	Ordinan Jalan Persekutuan 1959